



KONFERENSI AKADEMIK

SOARING  
UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka



MELONJAK UTM  
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentiasa

## Kaedah Perbelanjaan Nabi Yusuf AS bagi Sebuah Negara Menurut Al-Qur'an

Abu Bakar Jaafar<sup>\*1</sup>, Aiza Budin<sup>2</sup>, Wan Azmi Wan Ahmad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia  
drabubakar@pahang.uitm.edu.my,

<sup>2,3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Jengka, Pahang, Malaysia  
aiza\_budin@pahang.uitm.edu.my, wanazmi@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Kisah Nabi Yusuf AS yang berkaitan dengan perbelanjaan bagi sebuah negara yang disebutkan di dalam al-Qur'an merupakan satu ajaran yang mesti dipatuhi oleh mana-mana pemimpin negara bagi memastikan hasil negara dapat dibelanjakan dan diagihkan dengan sempurna kepada rakyat. Perbelanjaan yang tidak betul atau yang berlawanan dengan apa yang termaktub di dalam al-Qur'an pasti akan memberi kesan yang tidak diingini. Kaedah kajian secara kualitatif digunakan iaitu dengan melakukan analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas. Kajian ini merupakan satu usaha untuk membongkar rahsia penceritaan al-Qur'an mengenai satu teori perbelanjaan yang mampu membawa kemakmurhan ekonomi bagi sebuah negara walaupun negara berada di tahap kegawatan selama tujuh tahun. Kaedah yang diambil berdasarkan kepada apa yang dipraktikkan oleh Nabi Yusuf AS ini dapat dijadikan panduan dalam menyelesaikan masalah perbelanjaan bagi negara-negara yang berdepan dengan masalah kewangan yang tidak mencukupi. Hasil kajian ini akan memberitahu mengenai apa yang akan berlaku jika perbelanjaan sesebuah negara itu tidak mengikut kaedah yang dipraktikkan oleh Nabi Yusuf AS seperti mana yang disebutkan di dalam al-Qur'an.

**Kata Kunci:** Hasil Negara, Kemakmuran Ekonomi, Perbelanjaan Negara

### 1. Pendahuluan

Menurut Ibn Khaldun (2009) sesebuah kerajaan yang menghadapi kemunduran, sememangnya sewaktu ia berkuasa satu ketika dahulu pernah terarah kepada kemewahan. Masyarakatnya sudah menjadi serasi dengan keadaan sedemikian. Perbelanjaan mereka menjadi lebih tinggi daripada pendapatan dan elaun-elaun yang mereka perolehi, dan ia tidak mencukupi untuk membiayai segala perbelanjaan mereka. Orang-orang yang memiliki kekayaan akan berbelanja secara mewah dalam kehidupan mereka. Keadaan tersebut turut dilakukan oleh generasi selepas mereka sehingga semua pendapatan yang mereka perolehi tidak dapat lagi membiayai perbelanjaan mereka yang serba mewah itu. M. Umer Chapra (2000) juga menegaskan bahawa Ibn Khaldun mengaitkan semua pihak seperti individu, masyarakat, pemerintah dan juga institusi yang akan menyebabkan jatuh atau bangunnya sesebuah kerajaan.

Maka apabila raja memainkan peranannya dengan mengarahkan para rakyatnya supaya menyumbang perbelanjaan untuk peperangan, maka rakyat pun tidak mampu untuk berbuat demikian. Hal tersebut telah menyebabkan raja mengambil langkah dengan mendenda rakyatnya yang tidak menurut perintahnya itu dan menyita kekayaan yang mereka miliki. Barang yang telah disita disimpan untuk keperluan raja itu sendiri atau dibahagikan kepada anggota keluarganya dan orang-orang yang menyokong tindakannya itu. Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat menjadi lemah dan kesannya turut membenggu pihak pemerintah. Kehidupan bermewah-mewah yang semakin menjadi-jadi itu telah menyebabkan pendapatan yang sedia ada tidak mencukupi untuk membiayai keperluan dan perbelanjaan mereka. Apa yang berlaku pada ketika itu ialah jumlah cukai yang dipungut adalah tetap di mana ianya tidak bertambah dan tidak juga berkurang.

Setelah cukai yang baru dinaikkan, maka kutipan tambahan akibat daripada kenaikan kadar cukai mempunyai hadnya dan tidak boleh dinaikkan lagi. Maka apabila hasil kutipan cukai itu hendak digunakan untuk membiayai kemewahan yang kian bertambah dan juga memerlukan perbelanjaan yang tinggi, maka anggota angkatan bersenjata terpaksa dikurangkan daripada yang sedia ada sebelum elau dibayar dengan lebih tinggi. Akibat daripada kemewahan yang kian meningkat dan pembayaran elau yang semakin tinggi telah menyebabkan jumlah anggota angkatan bersenjata semakin berkurangan hingga ke jumlah yang semakin mengecil. Maka negara tersebut akan menjadi lemah kerana kurangnya pertahanan ketenteraan dan ini memberi ruang kepada negara luar untuk lebih berani dan bersedia untuk menyerang. Ini merupakan satu kebimbangan yang dirasai jika pihak pemerintah pada masa kini berbelanja seperti mana kerajaan yang pernah mengalami kejatuhan satu ketika dahulu seperti mana yang diceritakan oleh Ibn Khaldun.

## 2. Sejarah Perbelanjaan Mengikut Peredaran Masa

Menurut Ibn Khaldun (2009) sesebuah dinasti itu bermula dengan kejayaan membanteras semua penentang dan memperolehi kedaulatan berkuasa daripada dinasti sebelumnya. Pada tahap inilah raja menjadi contoh tauladan kepada rakyatnya melalui cara mendapatkan kegemilangan, mengutip cukai, mempertahankan hak milik dan memberikan perlindungan ketenteraan. Peredaran masa telah menyebabkan berlakunya perubahan iaitu daripada pihak pemerintah menjadi contoh kepada rakyatnya bertukar kepada pemerintah yang bertindak dengan sewenang-wenangnya kepada rakyat. Pihak pemerintah telah bersikap dengan mengenepikan orang bawahannya serta menghalang mereka daripada turut serta dalam urusan pemerintahan. Pada tahap ini pihak berkuasa berusaha untuk mencari lebih ramai pengikut dan bermatlamatkan untuk memadamkan semangat kekitaan dalam kehidupan mereka.

Pihak pemerintah juga ingin memastikan bahawa hanya pihak kaum kerabatnya sahaja yang memegang tampuk kuasa pemerintahan. Di tahap ini perkara-perkara yang menjadi keinginan manusia dipenuhi seperti mendapatkan harta benda dan mencipta bangunan yang mampu bertahan lebih lama dan mempunyai kemasyhuran. Keupayaan raja pada ketika itu dilihat dari segi usahanya mengumpul cukai, mengatur pendapatan dan perbelanjaan, menyelia simpanan dan perancangan perbelanjaan, membina bangunan-bangunan besar, kota-kota yang luas, monumen-monumen yang tinggi menjulang, pemberian hadiah kepada orang-orang terhormat dari negara asing dan juga memberikan anugerah kepada rakyatnya sendiri.

Tahap ini merupakan tahap yang terakhir bagi pemerintah untuk berkuasa sepenuhnya terhadap orang-orangnya secara keseluruhan di mana pada sebelumnya raja mempunyai kebebasan dengan pendapatnya. Kekuatan yang telah dibina oleh mereka merupakan contoh untuk diikuti oleh calon selepas mereka. Apa yang telah dilakukan pada tahap sebelum ini membuatkan raja pada tahap ini rasa syukur dengan apa telah diusahakan oleh pemerintah sebelumnya. Kehidupannya dinikmati dengan golongan bangsawannya dan mereka masih meneruskan tradisi yang dilakukan oleh masyarakat sebelum mereka serta menuruti jejak langkah mereka.

Apa yang mereka jejaki itu dilakukan dengan berhati-hati kerana bagi mereka jika tersalah langkah seperti melanggar adat bererti suatu mala petaka akan menimpa mereka. Ini merupakan tahap kelima yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun (2009) di mana beliau melihat bahawa pada tahap ini merupakan tahap keseronokan pihak pemerintah yang hidup secara berfoya-foya, berbelanja secara berlebih-lebihan untuk golongan bangsawan dan mengambil orang bawahannya yang mempunyai watak yang jahat untuk melakukan tugas-tugas penting. Ini merupakan usaha yang sia-sia kerana mereka yang dipilih untuk melakukan tugas-tugas penting ini tidak mampu memikul beban seberat itu. Mereka juga tidak mengetahui apa yang seharusnya dilakukan dan begitu juga sebaliknya. Pada tahap inilah sesebuah kerajaan akan berdepan dengan situasi ekonomi yang kucar kacir.

### **3. Kesan Hutang Kerajaan kepada Generasi Rakyat**

Menurut Poterba dan Summers (1986), sejak zaman Ricardo, ahli ekonomi telah berdebat mengenai persoalan sama ada defisit kerajaan menjelaskan tabungan negara atau tidak. Jawapannya masih tidak jelas. Sebahagian besar daripada perdebatan ini berkisar kepada hubungan ekonomi antara generasi. Andaian tersirat dalam perbahasan ini telah menjelaskan bahawa sekiranya hubungan yang sesuai tidak wujud, maka beban hutang boleh beralih kepada generasi akan datang dan defisit kerajaan boleh memberi kesan kepada tabungan negara.

Arshad Zaman dan Asad Zaman (2001) menyatakan bahawa hutang bukanlah satu cara yang baru dan berbeza dalam pembiayaan awam kerana secara asasnya ia merupakan satu kaedah untuk menolak cukai ke hadapan pada masa akan datang. Kerajaan yang gemar membuat keputusan untuk berhutang adalah kerana mereka boleh mendapatkan wang, namun kemudiannya kerajaan jugalah akan dibebani dengan hutang. Pada asalnya kerajaan meminjam untuk projek-projek pembangunan yang meningkatkan produktiviti. Peningkatan hasil daripada produktiviti tambahan itu akan digunakan untuk membayar balik pinjaman tanpa mengenakan apa-apa beban hutang pada generasi akan datang. Namun ia jarang berlaku atau boleh dikatakan tidak wujud.

Oleh itu, dalam membolehkan kerajaan untuk membiayai projek-projek yang benar-benar berharga dan produktif mestilah tanpa membenarkan mereka untuk meminjam dalam cara yang sewenang-wenangnya. Undang-undang Islam telah meletakkan garis panduan bagi mencapai matlamat ini. Kahf (1994) juga menyatakan bahawa hutang boleh mencipta liabiliti untuk masa hadapan jika kerajaan tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membayarnya setelah cukai dikenakan. Islam membenarkan hutang tanpa faedah untuk bangunkan projek-projek yang membawa kepada kemaslahatan atau kepentingan rakyat. Bagi projek-projek yang menjana hasil seperti empangan adalah langkah yang terbaik kerana dibiayai daripada hasil projek. Jika hasil projek tidak mencukupi seperti projek-projek lebuh raya dan jambatan ianya boleh dibiayai dari tol.

Dalam hal ini pengkaji berpendapat bahawa hutang yang dilakukan oleh kerajaan sama ada ianya memberi kesan kepada generasi akan datang atau tidak bukanlah satu isu yang besar. Apa yang penting ialah ianya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat buat masa sekarang dan begitu kepada generasi yang akan datang. Namun apa yang penting ialah kerajaan mesti merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam seperti tidak terlibat kepada hutang yang berasaskan kepada faedah. Mannan (2007) telah berhujah bahawa kerajaan boleh berhutang walaupun hutang tersebut berasaskan kepada faedah. Ini kerana wujud kaedah *fiqh* yang mengharuskan memakan daging babi atau meminum arak jika dalam keadaan darurat. Menurut beliau, kaedah yang sama juga boleh diguna pakai dalam dalam konteks pembiayaan awam. Ini menunjukkan bahawa kesejahteraan rakyat adalah sangat penting diutamakan walaupun kerajaan terpaksa berhutang walaupun ia memberi kesan kepada generasi yang akan datang.

### **4. Defisit Kerajaan dan Generasi Akan Datang**

Burgess (1996) berpendapat bahawa defisit kerajaan tidak semestinya memudaratkan generasi-generasi masa hadapan jika ia membiayai perbelanjaan yang akan mendapat pulangan kepada rakyat. Dut (2012) menyuarakan pendapatnya bahawa hutang kerajaan tidak meninggalkan apa-apa beban kepada generasi-generasi akan datang. Dalam perdebatannya dengan pihak lawan, beliau berpendapat bahawa pembiayaan hutang boleh membantu kehidupan anak-anak atau cucu-cicit pada masa depan. Mereka iaitu pihak lawan yang berpendapat bahawa pembiayaan hutanglah yang membolehkan penggunaan hari ini dan generasi akan datang akan menerima bilnya sahaja. Menurutnya, hujah ini mempunyai kepincangan. Menurut beliau lagi, manusia yang hidup pada masa ini, atau pada masa hadapan, akan mengatakan bahawa hutang awam adalah satu tanggungjawab yang perlu mereka tunaikan. Mereka tidak boleh meletakkannya ke bahu orang-orang yang sudah mati atau yang belum lahir

lagi. Untuk masa depan, anak-anak dan cucu-cicit akan membayar cukai dan melangsakan hutang, namun hakikatnya mereka yang akan menerima faedah. Mereka yang membayar cukai dan menerima faedah tidak semestinya orang-orang yang sama. Ada yang akan menerima manfaat dan ada yang akan kerugian. Tetapi kedua-dua orang yang memperolehi faedah dan menanggung kerugian adalah ahli-ahli generasi akan datang yang sama.

Oleh itu, beliau juga menekankan bahawa beban sebenar ke atas generasi akan datang adalah berpunca daripada perbelanjaan semasa kerajaan melalui pinjaman dan akan ditentukan berasaskan kepada cara kerajaan berbelanja. Generasi akan datang akan menerima manfaat dari perbelanjaan kerajaan yang bijak seperti yang diperuntukkan ke atas keselamatan kerajaan, kesihatan, pendidikan, jalanraya, jambatan dan kemudahan-kemudahan awam yang lain. Oleh itu, sebagai kesimpulannya, beban akan jatuh ke atas rakyat sebenarnya adalah bergantung kepada keadaan kerajaan berbelanja. Maka, kerajaan perlulah bijak dalam mengagih-agihkan kekayaan agar ia mampu mengurangkan beban hutang kerajaan.

Ini bermakna cara kerajaan berbelanja mempunyai kaitan dengan hutang yang ditanggung oleh kerajaan. Ini kerana hutang kerajaan boleh membiayai perbelanjaan kerajaan. Untuk melihat dengan jelas akan impak beban hutang kerajaan ke atas generasi yang akan datang, maka perlu dirujuk kepada hujah yang diutarakan oleh Modigliani (1961) iaitu bahawa hutang kerajaan bukanlah satu beban ke atas ekonomi. Manakala bagi kos sebenar perbelanjaan kerajaan pula, tidak kira bagaimana ia dibiayai dan ianya tidak boleh berpindah tangan kepada generasi yang akan datang.

Pandangan Arshad Zaman dan Asad Zaman (2001) yang menekankan bahawa kerajaan boleh berhutang asalkan tidak terlibat dengan kadar faedah kerana ia jelas bertentangan dengan asas yang dianjurkan oleh Islam. Menurut Ziauddin Ahmad (1989), ajaran Islam telah memperkenalkan kepada kerajaan bagi membentuk sebuah dasar belanjawan. Tiada penetapan secara khusus daripada al-Quran dan as-Sunnah mengenai bajet sebuah negara sama ada seimbang atau tidak seimbang atau jumlah defisit belanjawan. Satu-satunya kekangan yang mengikat ialah tidak boleh mengambil pinjaman atas dasar faedah untuk bagi menampung defisit belanjawan tersebut.

Asmat Ismail (2013) turut menegaskan bahawa kebiasaan negara yang berhutang tidak mampu untuk membayar semula secara sekali gus dan hanya mampu membayar faedahnya atau sebahagiannya sahaja setiap tahun. Lebih malang lagi ada negara yang terpaksa berhutang semula untuk membayar faedah hutang yang terdahulu. Akhirnya hanya sedikit sahaja pendapatan negara yang dapat digunakan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat disebabkan hasil negara yang selebihnya digunakan untuk membayar faedah. Beliau juga turut menyatakan bahawa sekiranya kerajaan tidak mempunyai wang yang mencukupi, maka kerajaan tidak seharusnya berhutang, namun boleh mengenakan cukai terhadap rakyat.

Dalam hal ini pengkaji berpandangan bahawa hutang yang optimum itu ialah hutang yang dilakukan berasaskan kepada prinsip syariah yang tidak terlibat dengan faedah. Walaupun Mannan (2007) telah berhujah bahawa kerajaan boleh berhutang walaupun hutang tersebut berasaskan kepada faedah berasaskan kepada kaedah *fiqh* yang mengharuskan memakan daging babi atau meminum arak jika dalam keadaan darurat. Namun jika dilihat kepada hujah yang dinyatakan oleh Asmat Ismail (2013), maka bolehlah dikatakan bahawa kaedah *fiqh* yang mengharuskan hutang dengan kadar faedah atas dasar darurat adalah tidak praktikal. Namun pengkaji berpandangan bahawa adalah lebih baik kerajaan berpegang kepada prinsip berjimat seperti mana yang dinyatakan oleh Monzer Kahf (1999) di mana perbelanjaan kerajaan hanya boleh dilakukan sekiranya kerajaan mempunyai hasil yang mencukupi untuk membiayainya.

## 5. Kaedah Perbelanjaan Nabi Yusuf AS

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini berdasarkan kepada apa yang diaplikasikan oleh Nabi Yusuf AS ialah rakyat diarahkan supaya menyimpan atau berjimat dengan lebih awal sebelum berlakunya kegawatan ekonomi. Pengkaji berpendapat bahawa Islam telah mengajar bagaimana untuk berdepan beban hutang pada masa yang akan datang.

Oleh yang demikian sama ada wujud jangkaan mengenai beban hutang yang ditanggung oleh generasi yang akan datang atau sebaliknya boleh diselesaikan mengikut kaedah yang dianjurkan oleh Nabi Yusuf AS.

Dalam hal ini terdapat teori yang jelas dan praktikal seperti mana yang dinyatakan oleh Amru Khalid (2012) dalam bidang strategi dan pengurusan ekonomi negara adalah dengan mengambil kaedah rancangan ekonomi yang disarankan oleh Nabi Yusuf AS. Kisah ini tercatat di dalam Al-Quran iaitu surah Yusuf ayat 47 yang bermaksud “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut”, ... Kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada bertangkai-tangkainya kecuali sedikit dari bahagian yang kamujadikan untuk makanan”. Ayat ini menunjukkan bahawa konsep perancangan Nabi Yusuf AS dalam konteks ekonomi semasa diistilahkan sebagai peningkatan produktiviti. Kaedah ini masih praktikal hingga ke hari ini sebagai galakan untuk menyimpan dalam menangani kegawatan pada masa akan datang.

Di dalam surah yang sama iaitu ayat 48 yang bermaksud “Kemudian akan datang selepas itu, tujuh tahun yang bersanggat kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya, kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)”. Ayat ini telah menyarankan supaya langkah berjimat cermat sangat diperlukan bagi menghadapi kemelesetan ekonomi. Inilah sistem yang dijalankan oleh Nabi Yusuf AS semasa baginda menjawat jawatan menteri kewangan di Mesir sejak ribuan tahun dahulu. Semestinya sistem ini juga diaplikasikan pada zaman moden ini jika inginkan kemakmuran dalam ekonomi.

Firman Allah SWT seterusnya iaitu pada ayat 49 yang bermaksud “Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)”. Ayat ini menjelaskan betapa rakyat pada ketika itu mendapat kemakmuran. Walaupun situasi ekonomi pada ketika itu sangat maju dan makmur, namun Nabi Yusuf AS tetap mengingatkan pemerintah dan juga penduduk Mesir pada ketika itu agar tidak leka dan perlu bersiap sedia untuk menanam kembali benih-benih tanaman ketika mana musim subur menjelang tiba. Tujuannya ialah untuk menjamin produktiviti yang berterusan dan juga untuk memastikan penduduk dalam sesebuah negara tidak diancam kebuluran ketika mana berlakunya kemelesetan ekonomi.

Menurut M. Umer Chapra (2005), kecenderungan terhadap fahaman kepenggunaan yang terdapat diseluruh dunia, iklan-iklan yang menarik dan juga perkembangan kredit telah menyebabkan berlakunya peningkatan yang pesat dalam perbelanjaan persendirian. Ini merupakan sifat semula jadi dan ianya boleh diramal jika berdasarkan kepada prinsip keutamaan. Persekutaran yang bermatlamatkan penggunaan maksimum telah menyebabkan berlakunya perkembangan perbelanjaan bagi sektor awam dan persendirian yang telah menyumbang kepada kemewahan selama dua dekad iaitu pada tahun 1950-an dan 1960-an di barat. Maka terhasillah beberapa masalah yang diantaranya ialah inflasi, perubahan yang tidak tetap dalam pertukaran asing, peningkatan bebanan hutang perkhidmatan disebabkan pembiayaan belanjawan defisit, kenaikan yang tidak sewajarnya dalam perbelanjaan yang tidak perlu oleh sektor awam dan persendirian dan akhirnya menyebabkan penurunan dalam simpanan.

## 6. Kesimpulan

Apa yang dapat difahami berdasarkan kepada perbincangan di atas ialah mengenai kaedah perbelanjaan kerajaan adalah sangat penting bagi menentukan jatuh bangun sesebuah negara. Allah s.w.t telah mengajar manusia mengenai kaedah untuk berbelanja bagi memastikan sesebuah negara itu mendapat kemakmuran ekonomi. Apa yang diajarkan itu bukanlah sesuatu perkara yang rumit untuk dilaksanakan. Allah s.w.t mengajar manusia supaya berdisiplin dalam berbelanja. Oleh yang demikian, untuk memastikan perbelanjaan yang dilakukan itu betul, maka ikut sahaja apa yang dipraktikkan oleh Nabi Yusuf AS seperti mana yang Allah s.w.t firmankan di dalam al-Quran. Pihak kerajaan diseru supaya berjimat cermat dan tidak membazir dalam berbelanja bagi memastikan matlamat untuk mendapat kemakmuran ekonomi tercapai. Jika hal

ini tidak diambil serius oleh pihak kerajaan, maka kemungkinan untuk berdepan depan masalah ekonomi adalah cerah.

## 7. Rujukan

- Amru Khalid. (2012). Belajar Seni Berpolitik Dari Nabi Yusuf A.S. Terj. Fuadiridza Talib & Dzulfawati Hassan. Selangor: Syabab Book Link.
- Burgess, David F. (1996). Fiscal Deficits and Intergenerational Welfare in Almost Small Open Economies. *The Canadian Journal of Economics* 29(4): 885-909.
- Chapra, M. Umer. (2000). *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Chapra, M. Umer. (2005). *Islam dan Cabaran Ekonomi*. Terj. Syed Putra Syed Hamid & Zahrita Hamzah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dut, Satya. (2012). *The National Debt Controversy: Fact vs. Fiction*. College for Financial Planning.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Muhammad. (2009). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kahf, Monzer. (1992). Instrument of Meeting Budget Deficit in Islamic Economy. IRTI Research Paper.
- Kahf, Monzer. (1994). Budget Deficits and Public Borrowing Instruments in an Islamic Economic System. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 11(2): 200-222.
- Modigliani, Franco. (1961). Long-Run Implications of Alternative Fiscal Policies and the Burden of the National Debt. *The Economic Journal* 71(284) 730-755.
- Muhammad Abdul Mannan. (2007). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*. Terj. Radiah Abdul Kader. Kuala Lumpur: Penerbit A.S. Nordeen.
- Nor Asmat Ismail. (2013). *Hutang dan Pembangunan Ekonomi Negara Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Poterba, James M. & Summers, Lawrence H. (1986). Finite Lifetimes and the Effects of Budget Deficits on National Savings. Cambridge: massachusetts institute of technology Working Paper 434: 1-33.
- Zaman, Arshad & Zaman, Asad. (2001). Interest and the Modern Economy. *Islamic Economic Studies*, The Islamic Research and Training Institute (IRTI), vol. 8: p. 61-74.
- Ziauddin Ahmad. (1989). *Public Finance in Islam*. IMF Working Paper. No. 89/68